

Pencapaian membanggakan di Kejujanaan “19th USKU International Karate Championship 2017”, Jepun



Pasukan Karate Labuan berjaya membawa pulang 3 pingat gangsa di Kejujanaan “19th USKU International Karate Championship 2017” yang berlangsung di Takanabe, Miyazaki, Jepun pada 13-15 Oktober 2017.

3 orang peserta telah dihantar untuk menyertai kejujanaan kali ini.

Adik Nur Aneesa Aira Binti Mohamad Affendi yang merupakan seorang murid Tahun 3 SK Pekan Dua W.P. Labuan telah merangkul 2 pingat gangsa melalui acara Individu Kata Perempuan 9 Tahun dan Kumite Individu Perempuan 9 Tahun.

Manakala 1 lagi pingat gangsa telah diperolehi oleh Mohd Norfarhan Bin Nordin melalui acara Individu Kata Lelaki

Terbuka.

Mohd Norfarhan juga merupakan bekas murid SK Pekan Dua (2005 – 2010). Seorang lagi atlet Labuan iaitu Zacchaeus Dunang Jerangku, murid Tahun 6 SJKC Chi Wen.

Kontinjen Pasukan Karate Labuan ke Jepun ini diketuai sendiri oleh Sensei Aswadee Taba yang juga merupakan Jurulatih Karate Labuan dan Mohd Norfarhan sebagai Penolong Jurulatih.



Sumber Berita : SK Pekan Dua